

Najib, Irwan lepas tanpa bebas

Kelewatan melampau pihak pendakwa antara 3 sebab hakim buat keputusan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kelewatan melampau pihak pendakwa yang tidak memenuhi Kanun Tatacara Jenayah (CPC) sepanjang tempoh enam tahun sejak pertuduhan dibuat antara tiga sebab Mahkamah Tinggi melepas tanpa membebaskan (DNAA) Datuk Seri Najib Razak dan bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, daripada enam tuduhan pecah amanah membabitkan harta kerajaan Malaysia berjumlah RM6.6 billion, semalam.

Alasan kedua, perintah lepas tanpa bebas tidak memprejudiskan pihak pendakwa kerana mereka boleh menuduh semula kedua-dua tertuduh.

Ketiga, kes ini didaftarkan pada 2018, namun perbicaraan ti-

dak dapat diteruskan walaupun tarikh perbicaraan ditetapkan beberapa kali kerana pihak pendakwa tidak memenuhi sepenuhnya peruntukan Seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah.

Seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan pihak pendakwa wajib menyerahkan dokumen berkaitan kes kepada pihak pembelaan sebelum perbicaraan bermula.

"Ini adalah satu kelewatan yang melampau. Permohonan tertuduh pertama (Najib) dan tertuduh kedua (Mohd Irwan) dalam notis usul dibenarkan.

"Oleh itu tertuduh pertama dan kedua dilepaskan tanpa dibebaskan (DNAA) daripada keenam-enam pertuduhan," kata Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Muhammad Jamil Hussin ketika membacanya keputusannya.

Hakim turut memerintahkan wang jaminan RM1 juta masing-masing dikembalikan ke-



Najib Razak



Mohd Irwan Serigar

pada Najib dan Mohd Irwan.

Muhammad Jamil dalam penghakimannya berkata, terdapat tiga alasan yang dipertimbangkan oleh mahkamah ketika membuat keputusan berkenaan.

Ia termasuk pihak pendakwa gagal menyerahkan ratusan dokumen berkaitan perbicaraan kepada pasukan pembelaan, walaupun pertuduhan difailkan pada 2018.

Dokumen terbabit termasuklah rekod mesyuarat Kabinet serta dokumen daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar serta Kementerian Pengangkutan.

Guna kuasa sedia ada

Dalam keputusan ringkasnya, Muhammad Jamil berkata, berdasarkan fakta dan hal keadaan kes itu, mahkamah menggunakan kuasa sedia ada untuk memerintahkan tertuduh pertama

dan tertuduh kedua dilepaskan tanpa dibebaskan daripada keenam-enam pertuduhan.

"Alasan ringkas saya, yang pertama, pendakwa tidak memenuhi sepenuhnya Kanun Tatacara Jenayah (CPC).

"Kedua, perintah DNAA tidak memprejudiskan kes pendakwaan dan ketiga, kes ini didaftarkan pada 2018, namun perbicaraan tidak dapat diteruskan walaupun tarikh ditetapkan beberapa kali kerana pendakwa tak memenuhi sepenuhnya peruntukan Seksyen 51A CPC.

Pada 25 Oktober 2018, Najib dan Mohd Irwan Serigar mengaku tidak bersalah atas enam tuduhan pecah amanah ke atas harta kerajaan Malaysia RM6.6 bilion berkaitan bayaran kepada International Petroleum Investment Company (IPIC).

Mereka didakwa melakukan semua kesalahan itu di Kompleks Kementerian Kewangan di Putrajaya di antara 21 Disember 2016 hingga 18 Disember 2017.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebatan serta boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib dan Datuk Seri K Kumaraendran bagi pihak Mohd Irwan, masing-masing berhujah bahawa mahkamah boleh menggunakan kuasanya untuk memerintahkan DNAA walaupun tiada permohonan dibuat pihak pendakwa supaya anak guam mereka diberikan DNAA.

"Kes ini sudah terlalu lama, sudah enam tahun, saya doakan Yang Arif akan selesaikan kes ini hari ini (semalam)," kata Kumaraendran dalam hujahnya.

Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Saifuddin Hashim Musaimi, ketika prosiding pada Isnin lalu, memaklumkan pihaknya meneruskan kes berkenaan dan tidak mengguna pakai Seksyen 254 CPC.

Seksyen 254 CPC berkait Pendakwa Raya yang boleh menolak bagi meneruskan pendakwaan pada mana-mana peringkat.

Berhubung hujahan pembelaan mahkamah sepatutnya memberikan DNAA kerana dokumen masih belum lengkap bagi perbicaraan, Muhammad Saifuddin berkata, pihaknya tidak mempunyai kawalan terhadap dokumen sulit yang akan dinyahklasifikasi (sebelum digunakan dalam perbicaraan).